

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 MEI 2014 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	1,922 salah laku siber hingga Mac	Mingguan Malaysia
2.	1,922 salah laku siber direkod sehingga Mac	Berita Harian
3.	1,922 salah laku siber direkod dari Jan-Mac 2014	Metro Ahad
4.	1,922 cyber crime reports made via Cyber999 centre	New Sunday Times
5.	Gempa sederhana landa Kepulauan Talaud di Indonesia	Bernamea.Com
6.	Gempa kuat di Kepulauan Fiji	Bernamea.Com
7.	Revolusi Satelit	Berita Harian
8.	Mentaliti tongkat dan usahawan Bumiputera	Mingguan Malaysia

Penipuan siber paling tinggi direkodkan

1,922 salah laku siber hingga Mac

Oleh **MOHD. FAUZI MOHAMAD SUHAIMI**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 3 Mei - Sebanyak 1,922 kes salah laku siber dilaporkan pengguna Internet menerusi Pusat Bantuan Cyber999, CyberSecurity Malaysia dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

pakan salah laku tertinggi yang direkodkan iaitu 794 kes.

"Jumlah itu diikuti perisian berbahaya atau malware 430 kes, pencerobohan sistem dalam talian serta pencacatan laman web 401 kes; gangguan siber 143 kes dan 154 lain-lain kes.

"Pada tahun lalu pula, sebanyak

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, daripada jumlah itu, penipuan siber meru-



Kami berharap melalui hebahan majalah Asuh sepanjang tahun ini, lebih banyak sekolah akan mengambil bahagian dan terlibat dalam program CyberSafe in Schools kerana ancaman siber bukan sahaja berlaku kepada golongan dewasa tetapi juga pelajar dan kanak-kanak

ABU BAKAR MOHAMAD DIAH

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

10,636 kes salah laku siber dilaporkan oleh pengguna Internet," katanya semasa melancarkan Kuiz Celik Cybersafe - Asuh sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr. Zulkifli Mohamed Hashim.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr. Amirudin Abdul Wahab dan Pengarah Urusan Galeri Ilmu Sdn. Bhd., Abu Hassan Morad.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, bilangan rakyat negara ini yang menjadi mangsa ancaman keselamatan siber akan terus meningkat

sekiranya pengguna Internet dan masyarakat tidak diberi pendidikan awal mengenai keselamatan siber.

Justeru, kerjasama yang dijalin antara CyberSecurity Malaysia dengan Majalah Asuh dalam bentuk kuiz, penerbitan artikel dan mesej melalui siri pengiklanan mengenai keselamatan siber merupakan langkah pendidikan awal berhubung perkara berkenaan.

"Kami berharap melalui hebahan majalah Asuh sepanjang tahun ini, lebih banyak sekolah akan mengambil bahagian dan terlibat dalam program CyberSafe in Schools kerana ancaman siber bukan sahaja berlaku kepada golongan dewasa tetapi juga pelajar dan kanak-kanak," katanya.

1,922 salah laku siber direkod sehingga Mac

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,922 kes salah laku siber dilaporkan oleh pengguna internet melalui Pusat Bantuan Cyber999, CyberSecurity Malaysia, dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata daripada jumlah itu penipuan siber adalah salah laku tertinggi yang direkodkan iaitu 794 kes.

"Ia diikuti perisian berbahaya atau *malware* 430 kes, pencerobohan sistem dalam talian dan pencacatan laman sesawang 401 kes, gangguan siber 143 kes dan lain-lain, 154

kes," katanya dalam ucapan pada majlis Pelancaran Kuiz Celik Cybersafe-Asuh di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Mosti Dr Zulkifli Mohamed Hashim. Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dr Amirudin Abdul Wahab dan Pengarah Urusan Galeri Ilmu Sdn Bhd Abu Hassan Morad, turut hadir pada majlis berkenaan.

Pendidikan keselamatan
Tahun lalu, 10,636 kes salah laku siber dilaporkan oleh pengguna internet.

Mengenai majlis semalam,

FAKTA NOMBOR

794 kes

penipuan siber dilaporkan
sebagai salah laku tertinggi dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini

Abu Bakar berkata, bilangan rakyat Malaysia yang menjadi mangsa ancaman keselamatan siber akan terus meningkat jika pengguna internet dan masyarakat tidak diberi pen-

didikan awal mengenai keselamatan siber.

Justeru, katanya, kerjasama antara CyberSecurity Malaysia dan *Majalah Asuh* dalam bentuk kuiz, penerbitan artikel dan mesej melalui siri pengiklanan mengenai keselamatan siber adalah langkah pendidikan awal mengenai keselamatan siber.

"Kami berharap melalui he-bahan *Majalah Asuh* sepanjang tahun ini, lebih banyak sekolah akan terbabit dalam program *CyberSafe in Schools* kerana ancaman siber bukan saja berlaku kepada golongan dewasa tetapi juga pelajar dan kanak-kanak," katanya.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
METRO AHAD (SETEMPAT): MUKA SURAT 36
TARIKH: 04 MEI 2014 (AHAD)

1,922 salah laku siber direkod dari Jan-Mac 2014

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,922 kes salah laku siber dilaporkan oleh pengguna Internet melalui Pusat Bantuan Cyber999, CyberSecurity Malaysia dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, daripada jumlah itu penipuan siber adalah salah laku tertinggi direkodkan iaitu 794 kes.

"Ia diikuti perisian berbahaya atau malware 430 kes; pencerobohan sistem dalam talian serta pencacatan laman web 401 kes; gangguan siber 143 kes; dan lain-lain 154

kes," katanya dalam ucapan pada majlis Pelancaran Kuiz Celik Cybersafe - Asuh di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains) Mosti Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia Dr Amirudin Abdul Wahab dan Pengarah Urusan Galeri Ilmu Sdn Bhd Abu Hassan Morad.

Abu Bakar berkata, pada tahun lalu 10,636 kes salah laku siber dilaporkan oleh pengguna Internet. - BERNAMA

1,922 cyber crime reports made via Cyber999 centre

KUALA LUMPUR: Internet users have reported 1,922 cyber crime cases through the Cyber999 Help Centre under the CyberSecurity Malaysia agency in the first quarter of the year.

Deputy Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Abu Bakar Md Diah said cyber scams formed the highest category at 794 cases.

"This is followed by malware attacks at 430 cases, invasion and disabling websites (401), disruptions (143) and others (154)."

He said this after launching the Cybersafe Savvy Quiz-*Asuh* at the Putra World Trade Centre here yesterday.

Malware, which is short for malicious software, is any software used to disrupt computer operations, gather sensitive information and

gain access to private computers.

Abu Bakar's speech was delivered by the ministry's deputy secretary-general, Dr Zulkifli Mohamed Hashim.

Present were CyberSecurity Malaysia chief executive officer Dr Amirudin Abdul Wahab and Galeri Ilmu Sdn Bhd managing director Abu Hassan Morad.

Galeri Ilmu is the publisher for *Asuh* magazine.

Abu Bakar said more Malaysians would become victims of cyber crime unless Internet users were educated on cyber safety.

He said the collaboration between CyberSecurity Malaysia and *Asuh*, involving quizzes, articles and infomercials on cyber safety, was a timely move. **Bernama**



Gempa Sederhana Landa Kepulauan Talaud Di Indonesia

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada skala Richter menggegarkan Kepulauan Talaud, Indonesia pada pukul 4.53 petang ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), gempa itu berpusat di 16km timur laut Kepulauan Talaud dan 909km tenggara Semporna, Sabah.

Bagaimanapun, gempa bumi itu tidak membawa ancaman tsunami.

-- BERNAMA



Gempa Kuat Di Kepulauan Fiji

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Gempa bumi kuat berukuran 6.5 pada skala Richter melanda bahagian selatan Kepulauan Fiji pada pukul 5.25 petang hari ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), pusat gempa itu terletak di 856km selatan Laucala, Fiji dan 7,269km tenggara Semporna di Sabah.

Bagaimanapun, jabatan itu berkata gempa itu tidak mendatangkan sebarang ancaman tsunami.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 18
TARIKH : 04 MEI 2014 (AHAD)

SATELIT MILIK
MALAYSIA

MEASAT-1

Fungsi: Komunikasi
Berat: 1,450 kilogram (kg)
Kedudukan: 91.5 darjah Timur
Tarikh dilancarkan: 13 Januari 1996
Tempoh hayat: 12 tahun

MEASAT-2

Fungsi: Komunikasi
Berat: 1,450kg
Kedudukan: 148.0 darjah Timur
Tarikh dilancarkan: 13 November 1996
Tempoh hayat: 11 tahun

MEASAT-3

Fungsi: Komunikasi
Berat: 4,765kg
Kedudukan: 91.5 darjah Timur
Tarikh dilancarkan: 12 Disember 2006
Tempoh hayat: 15 tahun

MEASAT-3B

Fungsi: Pemantauan bumi
Berat: 5,992kg
Tarikh dilancarkan: 28 Mei 2014
Tempoh hayat: 15 tahun

REVOLUSI SATELIT

» Jayakan operasi SAR, selain pertahanan dan komunikasi

Oleh Rasyiqah Ilmi Abd Rahim
rasyiqah@bh.com.my

Pelancaran satelit tiruan Sputnik I milik Russia ke orbit pada 4 Ogos 1957 menjadi perintis kepada kemajuan teknologi satelit hingga ke hari ini.

Kejayaan itu disusuli dengan Sputnik II, yang memasuki atmosfera bumi dengan membawa bersama seekor anjing bernama Laika pada 3 November 1957 sebelum Amerika Syarikat (AS) melancarkan satelitnya yang pertama, Explorer 1, pada 31 Januari 1958.

Pada peringkat awal, penumpuan kajian penempatan satelit di angkasa lepas adalah untuk mengkaji gelombang ultra ungu, sinar-x dan gamma. Namun, disebabkan tiada udara di angkasa lepas, ketiga-tiga gelombang itu

didapati tidak dapat diterima oleh stesen di bumi setelah melepasi 200 kilometer.

Sejak itu, ahli sains merumuskan, ruang angkasa lepas bermula selepas mencapai ketinggian 200 kilometer dari bumi.

Kuasa besar

Kini, satelit mengalami revolusi penggunaannya yang semakin luas apabila kebanyakan negara kuasa besar berlumba-lumba untuk mencipta dan menghantar satelit ke angkasa, sama ada untuk sistem pertahanan, komunikasi atau kajian sains.

Bukan itu saja, kehilangan pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370, baru-baru ini, membuka mata banyak pihak terutama Malaysia terhadap kepentingan penggunaannya dalam operasi mencari dan menyelamat (SAR).

Buat masa ini, Malaysia hanya memiliki satelit komunikasi milik swasta, Malaysia East Asia Satellite (MeaSAT) kerana satelit penderiaan jauh RazakSAT, yang dilancarkan ke orbit pada tahun 2009 tidak lagi digunakan selepas jangka hayatnya berakhir.

Bagi meneruskan kesinambungan kejayaan satelit itu, kerajaan sudah meluluskan peruntukan untuk merealisasikan RazakSAT-2 yang dijangka dilancarkan ke orbit pada tahun 2016.

Inisiatif itu diteruskan lagi menerusi pengumuman Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, baru-baru ini, mengenai jangkaan negara dalam menghasilkan satelit sendiri menjelang 2024 tanpa bantuan negara luar.

Ketika ditanya mengenai

pengumuman itu, Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr Noordin Ahmad, berkata pihaknya yakin sasaran itu mampu dilaksanakan dengan pertambahan pakar tempatan dalam bidang aeroangkasa untuk menjayakan usaha berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, ia masih dalam peringkat perancangan kerana ketika ini, negara akan lebih menumpukan pada pelancaran RazakSAT-2, yang bukan saja membantu negara merakam imej, malah bagi menghadapi insiden seperti kehilangan pesawat dan bencana.

Sasaran 10 tahun lagi

"ANGKASA sudah menetapkan sasaran untuk membina satelit sendiri dalam tempoh 10 tahun lagi tetapi masih belum dapat mendedahkan sebarang maklu-

mat kerana belum mempunyai sebarang pelan kukuh mengenainya," katanya ketika dihubungi BH, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Noordin berkata, Malaysia mempunyai kepayaan melaksanakan operasi satelit sendiri, namun sasaran untuk membina sepenuhnya satelit masih jauh kerana tiada kemampuan membina pelancarnya.

"Kita mungkin tidak mampu membina pelancarnya kerana hanya beberapa negara seperti Russia, AS dan Jepun boleh membina pelancar.

"Negara berkenaan kurang berminat berkongsi teknologi membina pelancar satelit kerana pelbagai faktor terutama membabitkan pertahanan dan keselamatan negara masing-masing," katanya.

AMERIKA SYARIKAT
Explorer 1 pada tahun 1958

SAMBUNGAN...

BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 19

TARIKH : 04 MEI 2014 (AHAD)

TIUNGSAT-1
Fungsi: Teknologi
Berat: 50kg
Kedudukan: 650 kilometer (km) dari bumi dengan kecondongan 65 darjah
Tarikh dilancarkan: 26 September 2000
Tempoh hayat: 7 tahun



RAZAKSAT-1
Fungsi: Pemantauan bumi
Berat: 180kg
Kedudukan: 685km dari bumi
Tarikh dilancarkan: 14 Julai 2009
Tempoh hayat: 3 tahun



JENIS SATELIT

SATELIT NAVIGASI GLOBAL (GNSS)

- ⊙ Memberi maklumat berkaitan lokasi bencana alam dalam apa juga keadaan cuaca
- ⊙ Membolehkan usaha membantu mangsa bencana dijalankan dengan pantas dan mudah
- ⊙ Contoh satelit ialah Glonass milik Russia

SATELIT PENDERIAAN JAUH

- ⊙ Melakukan pencerapan, pemetaan dan merakam imej di bumi
- ⊙ Terletak 600km hingga 900km dari bumi
- ⊙ Contoh satelit ialah Lancer milik Perancis

SATELIT PERISIKAN

- ⊙ Melakukan tugas risikan terhadap negara lain
- ⊙ Mampu merakam curi komunikasi radio dan telefon bimbit
- ⊙ Contoh satelit ialah Yaogan oleh China

SATELIT COSPAT-SARSAT

- ⊙ Digunakan untuk operasi mencari dan menyelamatkan
- ⊙ Mengesan alat beacon yang memancarkan isyarat kecemasan
- ⊙ Dibangunkan Russia, AS, Kanada dan Perancis

SATELIT GEO-PEGUIN

- ⊙ Satelit komunikasi
- ⊙ Digunakan untuk siaran radio dan televisyen
- ⊙ Kedudukannya kira-kira 35,000km dari bumi


SATELIT ASTRONOMI

- ⊙ Mengkaji planet, bintang dan objek lain di angkasa
- ⊙ Berada kira-kira 600km dari bumi
- ⊙ Contoh satelit ialah Hubble milik AS

NEGARA YANG MELANCARKAN SATELIT SENDIRI KE ANGKASA



RUSSIA
 Sputnik pada tahun 1957



INDIA
 Rohini pada tahun 1980



ISRAEL
 Ofeq 1 pada tahun 1988

PERANCIS
 Asterix pada tahun 1965

JEPUN

Osumi pada tahun 1970



BRITAIN
 Prospero X-3 pada tahun 1971



IRAN
 Omid 1 pada tahun 2009



CHINA
 Dong Fang Hong 1 pada tahun 1970



KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA : MUKA SURAT 05
TARIKH : 04 MEI 2014 (AHAD)

RUANGAN MENITI ARUS PERNIAGAAN

Mentaliti tongkat dan usahawan Bumiputera

Berakit-rakit ke hulu
Berenang-renang ke tepian
Bersakit-sakit dahulu
Bersenang-senang kemudian

PANTUN empat kerat ini menjadi peringatan tentang pentingnya usaha dan semangat tidak mudah kalah. Ia juga membawa saya mengimbau kembali kisah seorang rakan akrab waktu remaja yang begitu passionate tentang idea IT serta potensi bisnes dalam bidang tersebut. Pada usia itu, kami mempunyai impian yang sama - ingin memulakan bisnes dengan idea dan inisiatif sendiri.

Sekian lama, beliau tidak putus asa menampilkan idea bisnes walaupun menghadapi kesukaran mendapat dana start-up (modal permulaan). Memandangkan semangat beliau yang tidak luntur, saya mengambil keputusan melabur sedikit wang untuk merealisasikan impiannya. Masa berlalu dan ritma hidup terus membawa kami ke arah yang berbeza.

Beberapa tahun kemudiannya, saya mendapat berita, idea beliau telah dibeli oleh Google. Sejurus kemudian, beliau menghubungi saya dan memberikan pulangan yang agak hebat, tanda terima kasih atas kepercayaan saya.

Kisah ini mempamerkan seorang usahawan yang tidak patah semangat dan apabila berjaya, tidak melupakan mereka yang telah membantunya. Etika sebeginilah membuat lebih ramai yakin untuk berurusan dengannya.

Ikutilah siri kelima daripada lapan artikel 'Meniti Arus Perniagaan' yang ditulis oleh Datuk Wira SM Faisal SM Nasimuddin, Pengerusi Eksekutif Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan NAZA, Pengasas dan Pengarah Urusan Efra Holdings dan di antara ahli termuda Clinton Global Initiatives (CGI). Siri ini disiarkan dua minggu sekali, pada hari Ahad dalam akhbar ini. Para pembaca boleh mengemukakan pertanyaan atau cadangan dengan menghubungi beliau di dwsmf@naza.com.my

Namun, realitinya, bukan mudah untuk usahawan Bumiputera mendapat bantuan kewangan walaupun berkebolehan, berpotensi bergerak jauh, mempunyai idea dan perancangan baik. Pelbagai kekangan juga memberi kesan kepada perniagaan, termasuk masalah modal permulaan, kreativiti dalam meningkatkan tahap perniagaan, persaingan dengan usahawan bukan Bumiputera yang mempunyai kelebihan pelbagai sumber, terutamanya sumber kewangan dan rantaian bekalan yang jauh lebih baik.

Kita amat bernasib baik kerana Kerajaan Malaysia yang pro-bisnes telah menyediakan pelbagai sokongan kepada usahawan Bumiputera, termasuk kewangan, bengkel latihan, khidmat nasihat dan infrastruktur. Agensi seperti TERAJU, Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corp, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) menyediakan pelbagai dana dan program. Program terbaharu adalah seperti Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB) di bawah kelolaan TERAJU, dan Dana Pengembangan Perniagaan Bumiputera sebanyak RM200 juta yang dikelola oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Malah agensi seperti MTDC dan Multimedia Development Corporation (MDEC) yang ditubuhkan untuk membantu usahawan secara keseluruhannya juga mempunyai peruntukan khas untuk usahawan Bumiputera.

Namun, yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang. Perancangan, motivasi diri dan kerja keras adalah faktor penting untuk kejayaan. Walaubagaimanapun, sikap dan mentaliti usahawan sendiri menjadi faktor penyebab kejayaan ataupun kegagalan.

Sekiranya usahawan Bumiputera seringkali menadah tangan, menuntut 'hak' bantuan Kerajaan, di manakah letaknya maruah bangsa dan semangat keusahawanan yang amat diperlukan untuk menjulang kita ke satu takuk yang lebih tinggi? Sikap inilah yang menimbulkan satu mentaliti dalam kalangan Bumiputera, sama ada usahawan, pelajar dan seterusnya - sering bergantung kepada 'tongkat' untuk menampung segala kehendak dan keperluan.

Senario mentaliti 'tongkat' ini menjadi satu fenomena gejala buruk yang mesti dipantau, terutamanya jika penerima bantuan, sama ada kontrak, pinjaman atau geran, tiada disiplin kewangan. Sindrom 'biar papa asal bergaya' - bisnes masih bertatih, usahawan sudah bergaya dengan kereta dan rumah mewah serta sikap 'ingin cepat kaya', kesemuanya membawa kegagalan perniagaan.

Kita amat bernasib baik kerana Kerajaan Malaysia yang pro-bisnes telah menyediakan pelbagai sokongan kepada usahawan Bumiputera, termasuk kewangan, bengkel latihan, khidmat nasihat dan infrastruktur. Agensi seperti TERAJU, Majlis Amanah Rakyat (MARA), SME Corp, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) menyediakan pelbagai dana dan program

Penyalahgunaan bantuan Kerajaan tidak terhad kepada golongan usahawan. Pada era 1980an, ramai pelajar Bumiputera diberi biasiswa untuk menuntut ke luar negara. 'Tongkat' yang tersedia, menanamkan sikap sambil lewa oleh segelintir pelajar. Hakikatnya, ramai yang tidak mencapai keputusan baik dan ada juga yang tercicir.

Kita seringkali mendengar pelajar mendapat bantuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang tidak membayar pinjaman. Apabila kita tidak berhemah menggunakan peruntukan yang diterima, kita bukan sahaja merugikan diri, malah memberi kesan kepada mereka yang lebih memerlukan. Ini akan memudaratkan perancangan ekonomi Bumiputera untuk merapatkan jurang yang ada antara kaum.

Secara keseluruhan, saya berpendapat ramai rakyat Malaysia melihat ekonomi dari kanta sentimen politik tanpa mempertimbangkan prosesnya. Ramai beranggapan ekonomi seperti air yang tidak putus mengalir. Pelbagai tuntutan dibuat terhadap Kerajaan termasuk isu subsidi harga barang - sekiranya subsidi dikurangkan, maka berbangkitlah pelbagai reaksi, aduan dan tunjuk perasaan. Inilah satu mentaliti dalam kalangan masyarakat yang seharusnya dibendung.

Kita patut mengambil iktibar dari syarikat



SM Faisal menunjukkan motosikal Naza Blade 250 yang dipasarkan oleh syarikatnya.

Bumiputera dan bukan Bumiputera seperti YTL, Tan Chong Motors, Genting, Mydin, Sapura dan Habib. Walaupun ada di antara syarikat ini telah mendapat sokongan Kerajaan, mereka kemudiannya terus membangunkan perniagaan sehingga menempah kejayaan berlipat ganda. Di antara faktor kejayaan mereka adalah sikap proaktif, strategi bisnes dan pemasaran baik dan penciptaan rangkaian perniagaan. Kesanggupan mengambil risiko yang telah dipertimbangkan (calculated risks) dengan melalui proses perancangan baik, juga diperlukan.

Bagi NAZA, ada pihak yang bertanggungjawab kejayaan kami semata-mata berlandaskan sokongan Kerajaan melalui Permit Import (AP). Namun perjalanan kami tidak semudah yang disangkakan. Detik arwah ayahanda saya pulang ke rahmatullah merupakan di antara cabaran terbesar NAZA untuk memastikan kesinambungan perniagaan. Ibu saya telah menjadi tunggak, meyakinkan pekerja agar kekal bersama NAZA. Hasil kerjasama ahli keluarga, etika kerja dan semangat mencapai kejayaan, Kumpulan NAZA terus berkembang dalam pelbagai aspek termasuk mengukuhkan rantaian nilai merangkumi pengimporan, pemasangan, pengedaran dan servis sokongan.

Di NAZA WORLD pula, kami berpegang teguh pada prinsip Customer for Life - dengan mengimbangi langkah memastikan pelanggan daripada pelbagai segmen masyarakat, kekal dalam jangka masa panjang. Kami menebarkan sayap ke bidang francais serta mengamalkan 'kepelbagaian' produk dan servis termasuk jenama motosikal (2-wheel) seperti Harley Davidson, Ducati, Piaggio, Aprilia, Gilera dan Vespa, kereta (4-Wheel) termasuk Ferrari,

Maserati, Koenigsegg, Brabus, Mercedes (wakil jualan) dan Chevrolet serta pengangkutan, servis limosin dan teksi, insurans, kejuruteraan dan pembinaan, membekalkan bahan pembinaan, pengurusan acara dan pelbagai lagi.

Di antara strategi kami adalah memperkukuhkan jenama tempatan NAZA dan seterusnya mengembangkan perniagaan serantau dan global. NAZA World melangkah ke Indocina dengan memperkenalkan motosikal popular NZ 125R, NAZA Blade 250 dan 650 ke Kemboja dan juga mengeksport motosikal Ducati ke Vietnam. Harapan kami adalah untuk memperkenalkan footprint NAZA World di negara-negara ASEAN yang lain.

Sememangnya kita semua mempunyai visi dan misi untuk mengejar impian. Namun, ia tidak mampu direalisasikan tanpa perancangan, kerja keras, kegigihan, ketabahan dan komitmen. Kita harus bersyukur dengan pelbagai bantuan dan sokongan Kerajaan dan mengambil iktibar tidak menyalahgunakannya dengan unsur 'mentaliti tongkat'. Lajuan seterusnya harus diberi kepada syarikat lain yang baru mengorak langkah. Dengan ini, seluruh eko-sistem keusahawanan Bumiputera akan menjadi lebih mantap dan berkesan.

Pada ruangan seterusnya, kita akan membincangkan cabaran usahawan ke pasaran antarabangsa termasuk pendapat tentang Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA).

Jangan lupa, sila ajukan soalan pada dwsmf@naza.com.my supaya kita dapat bertukar pandangan untuk manfaat semua.

Info



Datuk Wira SM Faisal

Ikuti beliau di laman media sosial

- Twitter : <http://twitter.com/smfaisal10>
- Facebook : <http://facebook.com/smfidonet>
- Instagram : <http://instagram.com/smfaisal10>